

# Jadikan sebagai pusat penyelidikan terulung - Najib

KUALA TERENGGANU 18 Sept. - Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) merupakan usaha bersepadu kerajaan Pusat dan negeri bagi memastikan rakyat terutama di negeri itu mendapat kemudahan perubatan terbaik selaras dengan ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, selain mampu meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat, hospital ini dapat digerakkan sebagai pusat penyelidikan penyakit kronik dan menjadi rujukan negara.

"Saya difahamkan bilangan katil kepada populasi Terengganu kini adalah 1:837 berbanding nisbah

Lembah Klang 1:232, Pulau Pinang 1:349, Johor 1:473 dan nisbah kebangsaan 1:496 manakala WHO menetapkan nisbah 1:400," katanya ketika berucap menyempurnakan majlis Pecah Tanah Projek Hospital Pengajar Unisza di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd. Rahman; Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mazlan Ngah; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd. Zubir Embong; Pro-Canselor Unisza, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor dan Naib Canselor universiti itu, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, hospital yang dianggarkan menelan kos keseluruhan sebanyak RM600 juta

dan bakal menempatkan 400 buah katil tersebut akan dibina melalui dua fasa dengan fasa pertama menelan belanja RM350 juta.

Beliau memberitahu, hospital itu kelak berupaya memenuhi keperluan tenaga pakar dan pelatih perubatan yang semakin meningkat ekoran kekurangan kemudahan di bawah kendalian Kementerian Kesihatan ketika ini.

Menurutnya, persetujuan kerajaan Pusat melaksanakan projek pembinaan Hospital Pengajar Unisza itu turut mengambil kira pencapaian dan kecemerlangan warga universiti berkenaan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya telah dimaklumkan, bu-

kan sahaja bilangan pelajar Unisza telah bertambah tapi juga di peringkat kebangsaan, universiti ini juga mendapat penarafan lima bintang daripada Kementerian Kesihatan bagi menilai kesediaan dalam pembekalan data berkualiti tinggi.

"Di peringkat antarabangsa pula pencapaian membanggakan Unisza berjaya meraih lima pingat iaitu dua emas, dua perak dan satu gangsa dalam International Exhibition of Invention of Geneva 2014," kata beliau.

Perdana Menteri seterusnya berkata, selain itu, institusi ini juga terus merangkul kejayaan menerusi empat pelajarannya dari Fakulti Informatik dan Komputeran telah meraih pingat emas selaku pencipta kelas pertama dalam satu pertandingan

yang diadakan di Korea tahun lalu.

Beliau percaya dengan beberapa kejayaan yang dicapai itu mampu memberi perangsang dan semangat kepada Unisza untuk terus melakar kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Najib juga mengimbau kembali detik beliau merasmikan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Unisza di Kampus Kota sewaktu beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 9 Januari 2009 lalu.

"Saya difahamkan fakulti ini yang menjadi tunjang kepada penubuhan Hospital Pengajar Unisza ini telah berjaya melahirkan graduan sulung seramai 28 doktor perubatan tahun ini," jelasnya.